

06 MAY 2001

Mahathir-Kuota (Bergambar)

KERAJAAN SERAH PADA RAKYAT TENTUKAN SISTEM KUOTA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bergambar) -- Kerajaan menyerahkan kepada rakyat bagi memutuskan sama ada untuk mengekalkan atau tidak sistem kuota bagi kemasukan pelajar-pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke institusi-institusi pengajian tinggi awam tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menerima sebarang keputusan yang dibuat oleh rakyat mengenai pengekalan atau tidak sistem kuota itu.

"Yang itu (sistem kuota) terpulang kepada rakyat, kalau rakyat pilih tak nak sistem kuota, kita tidak ada kuota. Kita buat ini untuk rakyat, kalau mereka berpendapat kerajaan ini menjalankan dasar yang tidak baik, mengenakan kuota dan kita tak mahu kuota, maka kerajaan boleh hapuskan kuota," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pameran "Dinosaurs Alive" di pusat membeli-belah Summit USJ di sini hari ini. Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Tetapi kita akan akur kehendak rakyat (berkenaan sistem kuota), jikalau dia nak sesuatu, dia mestilah terima dan guna," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob semalam yang meminta supaya sebarang kuota kemasukan pelajar bumiputera ke IPTA yang tidak dipenuhi itu diberi pada pelajar bukan bumiputera yang layak.

Ini berikutan beberapa kenyataan oleh pelajar-pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak diterima masuk ke program ijazah universiti awam tempatan manakala pelajar-pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tidak ditawarkan kursus pilihan mereka.

Perdana Menteri berkata, kaum bumiputera mesti menerima kenyataan bahawa jika mereka tidak berminat untuk menggunakan peluang-peluang yang telah diberikan, maka mereka juga tidak berhak untuk menghalang orang lain dari menggunakan peluang itu.

Beliau menyifatkan sebagai sesuatu yang tidak adil terhadap pendapat-pendapat yang mahu menyekat orang lain dari menggunakan peluang itu setelah bumiputera sendiri tidak berminat untuk menggunakan peluang yang disediakan oleh kerajaan itu.

"Ini tak adil, kalau nak belajar, belajarliah. Jangan nak belajar cuma nak sekat orang lain sahaja, itu tak kenalah," katanya sambil menambah, sepanjang 43 tahun kemerdekaan negara, kerajaan telah menyediakan pelbagai peluang kepada bumiputera seperti membuka lebih banyak universiti dan lain-lain lagi.

Perdana Menteri berkata, kaum bumiputera telah diberikan peluang yang seluasnya di dalam bidang pendidikan seperti diberikan kursus-kursus yang khas untuk berjaya.

"Kalau mereka tunjuk tak berminat, peluang terpaksa diberi pada orang lain," katanya.

Negara, kata Dr Mahathir, akan menghadapi masalah "brain drain" jika pendidikan rakyat bukan bumiputeranya disekat menyebabkan mereka ini ditarik oleh negara lain yang lebih berminat untuk menggunakan kemampuan mereka.

"Kita (Malaysia) akan menghadapi masalah kerana rakyat Malaysia yang bukan bumiputera yang pandai-pandai belaka akan ditarik oleh negara lain yang minat dengan kebolehan mereka.

Maka akan ada "brain drain" kalau kita sekat orang yang berkebolehan

dari mendapat pelajaran yang berguna kepada negara," tambah Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MHI ES MOZ